

Rasulullah role model terhebat



TIMBALAN Pengarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Hajah Masuriati binti Haji Yahya.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 29 November. - Al-Quran merupakan kalam Allah sudah pasti bersifat mutlak kebenarannya dan merupakan sumber informasi kehidupan terbaik menjadi pedoman dan teladan.

Timbalan Pengarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Hajah Masuriati binti Haji Yahya menjelaskan bahawa Al-Quran merupakan mukjizat terbesar kurniahan Allah ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan menjadikan mukjizat yang dimiliki oleh Baginda ini berbeza dengan mukjizat Nabi dan Rasul lainnya.

"Sedangkan mukjizat Nabi

Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam berupa mukjizat ruhiyah bersifat rasional, mesra manusiawi, kekal dan sesuai sepanjang masa dan juga zaman di mana keistimewaannya tidak dapat dilihat melalui lembaran fizik tetapi menerusi penghayatan bahasa dan maksud yang terkandung di dalamnya," ujarnya.

Menurutnya, Al-Quran sebagai kalam Allah sudah tentu pilihan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai *role model* atau *uswatan hasanah* adalah satu ketetapan dan selaras dengan misi kerasulan melalui wahyu yang dipilih dari kalangan manusia pilihan sebelum diangkat menjadi Rasul.

Dalam hal ini, Al-Quran memperakui bahawa Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam memiliki akhlak yang mulia sebagaimana dirakamkan dalam Surah Al-Qalam, ayat 4, maksudnya, "Sesungguhnya engkau (Muhammad) mempunyai akhlak yang mulia".

Oleh yang demikian, jelasnya, yang ditemui baru-baru ini, *uswatan hasanah* yang merupakan bahagian daripada kalam Allah, disebutkan dalam Surah Al-Ahzab, ayat 21 merupakan satu standard ukuran ideal yang sangat sesuai dengan sahsiah Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam untuk seluruh umat Islam meneladaninya.

Dr. Hajah Masuriati menjelaskan, proses meneladani atau mencontohi dan menjadikan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai *uswah hasanah* ikutan dan teladan dalam

menjalani kehidupan sudah bermula dengan pemilihan Baginda menjadi Rasul dari kalangan manusia berakhlik mulia, di samping empat sifat utama; Siddiq, Amanah, Tabligh dan Fatanah dalam melaksanakan tugas sebagai rasul menyampaikan risalah Islam sebagai satu rahmat seluruh alam semesta.

"Sesungguhnya, pemilihan seorang Rasul dari kalangan manusia adalah untuk memudahkan proses penerimaan ajaran Islam yang disampaikan dan menyampaikan kepada yang lain. Di samping memiliki akhlak mulia dan sahsiah terpuji menjadi daya tarikan sekali gus memudahkan ajaran yang disampaikan diterima dengan yakin lalu beramal dengan gannnya," ujarnya lagi.

Beliau juga mengongsikan, sebagai sebuah Negara Zikir yang membentuk masyarakatnya sentiasa ingat dan taat kepada Allah adalah perlu mencontohi beberapa sifat Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam antaranya, sentiasa mensyukuri nikmat Allah dan bersifat Qanaah iaitu sifat sentiasa mensyukuri nikmat Allah dan sifat Qanaah adalah hasil daripada Tarbiyah al-Nafs (mendidik jiwa) di mana rasa cukup itu ialah menerima dan bersyukur dengan apa yang ada, bukan mencari apa yang tidak ada.

Dalam hal ini tambahnya, Qanaah mempunyai hubung kait dengan sifat zuhud, reda dan sentiasa bersyukur atas apa jua nikmat Allah malah merupakan jalur emas elit rohani untuk memperoleh keberkatan. Qanaah juga menjadi motivasi untuk tidak

berkhidmat dengan pemilihan Baginda menjadi Rasul dari kalangan manusia berakhlik mulia, di samping empat sifat utama; Siddiq, Amanah, Tabligh dan Fatanah dalam melaksanakan tugas sebagai rasul menyampaikan risalah Islam sebagai satu rahmat seluruh alam semesta.

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Ihsan Dr. Hajah Masuriati Haji Yahya**

mudah berputus asa malah sentiasa berusaha untuk mencapai kecemerlangan dunia dan akhirat.

"Untuk menerapkan figura Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menjadi idola di dalam kehidupan sehari-hari adalah dengan memperbanyak membaca dan merujuk serta menghayati kisah dan sirah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sama ada dengan menghadirkan diri ke majlis-majlis ilmu, ceramah dan juga meraikan Majlis Sambutan Maulidur Rasul dan sebagainya," katanya lagi.

Melihat kepada latar belakang baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menjalani kehidupan sehari-hari jelasnya, Baginda merupakan seorang yang hebat; Baginda merupakan seorang anak, suami, ayah, penggembala, pengusaha, panglima perang dan pemimpin tampuk pemerintahan dan memiliki akhlak dan budi pekerti yang sangat mulia dan agung malah sangat luar biasa sesuai dengan martabat baginda seorang nabi dan juga seorang rasul yang selayaknya menjadi teladan atau *role model* multidimensi sepanjang zaman yang membawa rahmat kepada seluruh alam semesta.

Beliau seterusnya mengongsikan, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan seorang yang bijak sehingga kata-kata Baginda (hadis) menjadi hujah yang kuat dan menjadi pegangan umat Islam

hingga akhirat kelak.

Beliau berkata, umat Islam perlu meneladani sifat-sifat tersebut dan menerapkannya dalam ibadah, pekerjaan dan aktiviti sehari-hari dengan niat yang ikhlas kerana Allah semata demi meraih pahala atas setiap perkara yang dilakukan.

Keikhlasan beribadah, kesungguhan, dan kesesuaian dengan sunah merupakan tiga kunci utama dalam meneladani Rasulullah. Dalam hal ini, keseimbangan dalam ibadah juga diperlukan agar tidak hanya mengutamakan hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala tetapi tanggungjawab sosial sesama manusia juga perlu dilaksanakan dengan sebaiknya.

Dalam hal ini, Dr. Hajah Masuriati juga mengongsikan, beberapa amalan yang mana dengan amalan itu melayakkkan kita mendapat syafaat Baginda Rasulullah di sana nanti. Antaranya ialah beriman kepada Allah; doa selepas azan; perbanyak selawat ke atas Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan perbanyak sjud.

Tambahnya, selaku umat Rasulullah adalah selayaknya untuk kita menyuburkan rasa cinta kepada Rasulullah kerana Baginda telah mengambil berat keadaan umatnya dan akan memberikan syafaat kepada umatnya di hari kiamat kelak.

Inisiatif tingkat ekonomi penduduk



AHLI-ahli Biro Wanita Kampung Setia bekerja keras untuk sama-sama mengusahakan gerai mereka demi menjana pendapatan dan ekonomi keluarga masing-masing (atas dan kanan).

Berita dan Foto :
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 29 November. - Gerai Biro Wanita dan Majlis Perundingan Kampung (MPK) Setia diharap mampu menjana pendapatan sampingan bagi Ahli-ahli Biro Wanita kampung sekali gus mampu menyumbang ke arah meningkatkan lagi ekonomi negara.

Dalam pada itu juga, dengan adanya inisiatif berkenaan, ia diharapkan dapat melatih dan memupuk setiap ahli untuk

sentiasa berdikari dengan mengetengahkan kemahiran yang sedia ada.

Sehubungan itu, projek MPK Kampung Setia membuka gerai yang diusahakan Ahli-ahli Biro Wanita kampung berkenaan bermula 6 November lalu.

Meskipun, gerai berkenaan belum mempunyai bangunan yang kekal namun atas ihsan salah seorang Ahli MPK, Awang Haji Sahrin bin Haji Kassim yang berkesudian meminjamkan



kawasan rumahnya demi menyokong hasrat murni dan usaha padu Ahli-ahli Biro Wanita.

Pelita Brunei sempat membuat pendekatan ke gerai berkenaan baru-baru ini di mana ketika itu, gerai berkenaan mendapat sambutan yang begitu menggalakkan.

Beberapa Ahli Biro Wanita turut mengongsikan bahawa sejak ia dibuka pada 6 November lalu, mereka terlalu sibuk sehingga para pelanggan yang datang terpaksa menunggu giliran *dine-in* di sini.

Mereka yang terdiri daripada tujuh orang itu masing-masing

dengan tugas yang diberikan agar perjalanan kerja berjalan lancar dan sempurna.

Gerai berkenaan dibuka setiap hari dan bermula jam 2.00 petang sehingga 8.00 malam.

Antara menu hidangan yang ditawarkan adalah seperti Soto, Nasi Katok, Nasi Ayam Penyet, Mi Goreng selain pelbagai jenis minuman dan juga tidak ketinggalan Ayam Salai. Apa yang menarik ialah semua menu berkenaan adalah harga mampu milik.

Mereka akui masih baharu berkecimpung mengusahakan gerai tersebut namun berharap para pelanggan akan dapat mampu menerima dan menepati cita rasa pelanggan.

Selain itu juga, beberapa perancangan dirancang demi penambahbaikan serta segala kekurangan akan segera diperbaiki demi menjaga mutu dan kualiti perkhidmatan mereka.

Lokasi gerai tersebut terletak berhampiran dengan Masjid Perdana Wangsa Haji Mohammad, Kampung Setia sekali gus memberi kemudahan kepada para pelanggan untuk menuaikan sembahyang terutama sekali apabila tiba masuk waktu sembahyang.